

MPK tangani isu jalan sesak di Taman Tas

SINAR HARIAN 17/12/2017
KUANTAN- Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) akan mengambil inisiatif menyediakan kawasan parkir baharu untuk peniaga-peniaga *car boot sale* di Taman Tas, di sini.

Yang Dipertuannya, Datuk Fadzila Salleh berkata, MPK akan memohon peruntukan daripada kerajaan persekutuan menerusi Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menurutnya, pembinaan kawasan parkir itu dijangka dapat mengatasi masalah laluan dan lalu lintas di kawasan tersebut.

“Kita mendapat aduan daripada orang ramai yang mendakwa tapak niaga ini telah menutup jalan masuk ke premis mereka dan menjejaskan perniagaan mereka.

“Selain itu, operasi *car boot sale* ini didakwa

menyebabkan jalan di kawasan terlibat sesak dan menyukarkan pelanggan premis perniagaan terbabit mengurus niaga,” katanya ketika ditemui selepas membuat tinjauan dan lawatan ke tapak tersebut, di sini.

Dalam perkembangan sama, Fadzila berkata, peniaga masih dibenarkan menjalankan operasi tersebut dengan syarat mengambil inisiatif untuk mengurangkan tahap kesesakan di tahap minimum selain akan dipindahkan ke kawasan lain berhampiran dengan medan selera sedia ada di taman tersebut.

Dalam pada itu, Fadzila berkata, MPK juga bercadang menambah lampu ‘high mast’ di beberapa lokasi strategik.

“Kita juga bercadang bina laluan pejalan kaki sepanjang 150 meter di kawasan berhampiran,” katanya.



Fadzila (tengah) meninjau lokasi sering berlaku kesesakan di Taman Tas.